



**LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)**  
BANGUNAN FAMA POINT, LOT 17304, JALAN PERSIARAN SATU,  
BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN.  
Tel : 603-61262020 No Faks : 603-61383650 Email : [fama@fama.gov.my](mailto:fama@fama.gov.my)

---

### **SIARAN MEDIA**

#### **MAFI KOMITED GALAS TANGGUNGJAWAB DALAM MENERUSKAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN**

**JOHOR BAHRU, 21 Ogos 2021** – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bertekad untuk menggalas tanggungjawab bagi meneruskan dan memastikan keutuhan dan kelancaran sistem penyampaian kerajaan dapat diteruskan dengan baik dan berkesan seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan dan ikrar Perkhidmatan Awam dan saranan daripada YBhg. Ketua Setiausaha Negara baru-baru ini.

MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) memberi jaminan bahawa perkhidmatan pemasaran hasil pertanian dan produk industri makanan tetap diteruskan bagi memastikan kelangsungan rantaian bekalan makanan negara terlaksana di samping memastikan usahawan tani menjana pendapatan dalam mendepani pandemik Covid-19 ini.

Ini adalah selaras dengan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) yang dirangka lebih holistik dan mampan bagi memperkuuh keselamatan makanan di semua peringkat rantaian makanan. DSMN bertepatan dalam menjamin tahap sekuriti makanan sentiasa berada dalam keadaan stabil dari aspek ketersediaan, mudah diakses, selamat dan mampu diperolehi rakyat sepanjang masa, dalam apa jua keadaan pada masa hadapan.

Susulan daripada itu, YBhg. Dato' Haslina Binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI hari ini memantau pelaksanaan pembangunan Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi seluas 2 ekar yang dibangunkan di Pejabat FAMA Negeri Johor dengan kerjasama Koperasi FAMA Johor Berhad (KPFJB). Ianya adalah salah satu projek daripada 20 Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di seluruh Malaysia.

Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi ini berfungsi bagi mewujudkan kerjasama strategik di antara usahawan tani dan agensi di bawah MAFI di samping mengoptimakan hasil pendapatan melalui teknik “vertical farming” dan penggunaan tanah di pejabat-pejabat kerajaan.

Program ini dapat memberikan galakan kepada usahawan tani dalam merancang tanaman mereka mengikut penjadualan dan menepati kehendak pasaran pada satu-satu masa.

Selain daripada itu, MAFI melalui FAMA telah meneruskan inisiatif dengan mewujudkan Pasar Segar Terkawal (PST) apabila bermulanya pelaksanaan Total Lockdown 3.0 pada 1 Jun 2020 yang lalu dalam usaha bagi mengimbangi penawaran dan permintaan hasil pertanian. Sehingga 19 Ogos 2021, sebanyak 54 buah outlet PST diwujudkan di seluruh negara.

Terdahulu, beliau turut mengadakan *walkabout* ke salah satu outlet PST di Pasar Tani Kekal Datin Halimah bagi melihat sendiri pelaksanaan operasi di negeri Johor yang masih lagi berada dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1.

Untuk rekod, pelaksanaan PST secara keseluruhan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM95.81 juta dengan 2,983 bilangan petani mendapat manfaat di mana FAMA membantu dari segi pengaturan pasaran di peringkat ladang. Manakala 6 PST di Johor menyumbang sebanyak RM23.6 juta dari nilai jualan keseluruhan PST FAMA.

Sehingga 19 Ogos 2021, sebanyak 28 buah Pasar Tani yang telah dibenarkan beroperasi dengan melibatkan seramai 692 orang usahawan. Kesemua Pasar Tani yang beroperasi ini adalah di dalam negeri-negeri yang telah berada dalam PPN Fasa 2 dan 3 seperti negeri Perak, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Pahang, Sabah, Sarawak dan Perlis. FAMA menjangkakan lebih banyak lagi Pasar Tani akan beroperasi di negeri-negeri yang telah berada dalam PPN Fasa 2 dan 3 ini dalam masa terdekat.

MAFI juga turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada 11 orang wakil daripada golongan asnaf, penghuni Rumah Kebajikan dan Pusat Jagaan Warga Emas sekitar daerah Johor Bahru serta usahawan bimbingan FAMA Johor yang memerlukan dengan kerjasama FAMA dan sumbangan usahawan-usahawan pemasar FAMA negeri Johor di Pejabat FAMA Negeri Johor.

Sebanyak 7 metrik tan barang terdiri daripada komoditi sayur-sayuran, buah-buahan, produk industri makanan dan barang runcit disumbangkan bagi bantuan MAFI Prihatin ini yang akan memberi manfaat kepada 600 orang penerima.

Sumbangan berbentuk hasil pertanian seperti sayur-sayuran, buah-buahan, produk industri makanan dan barang runcit ini merupakan kesinambungan program MAFI Prihatin yang merupakan inisiatif serampang dua mata di mana dapat membantu petani memasarkan lebihan hasilan pertanian mereka bersempena “Kempen Lebihkan Makan Buah-Buahan dan Sayur-Sayuran Tempatan” dan dalam masa yang sama dapat membantu meringankan beban rakyat yang terkesan akibat Covid-19.

Secara keseluruhannya, sehingga 8 Ogos 2021, seramai 71,491 penerima di 400 buah lokasi di seluruh negara telah menerima manfaat daripada program MAFI Prihatin dengan melibatkan 10 buah jabatan dan agensi di bawahnya.

Manakala pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA sahaja, ia telah memberi manfaat kepada 30,404 orang yang terdiri daripada frontliners, badan kebajikan dan NGO di 157 lokasi seluruh negara dengan jumlah keseluruhan sebanyak 59.04 metrik tan makanan telah disalurkan.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin ini disampaikan oleh YBhg. Dato' Haslina Binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI. Turut hadir YBhg. Datuk Zainal Abidin Bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA.

#####


**Disediakan oleh:**

**Bahagian Sekretariat dan Korporat FAMA Ibu Pejabat**


**Kementerian Pertanian dan Industri Makanan**

**21 Ogos 2021**


## LAMPIRAN




Rajah 1: Maklumat Lokasi Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di Semenanjung Malaysia



Rajah 2: Maklumat Lokasi Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di Sabah & Sarawak



Rajah 3: Lokasi 54 PST di seluruh Malaysia



Rajah 4: Maklumat MAFI Prihatin FAMA